**Recent Malay Books from Malaysia – Oct 2018**

**Mary Martin Booksellers Pte Ltd**
**Blk 231, Bain Street**
**#03-05, Bras Basah Complex**
**Singapore – 180231**
**Tel : +65-6883-2284/6883-2204**
**Fax : +65-6883-2144**
**info@marymartin.com**
**www.marymartin.com**

## Art

Simbolisme Dalam Motif Songket Melayu Terengganu / Arba'iyah Ab. Aziz
Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2018
xxviii, 224p.
Includes Index ; Bibliography
9789834616861

1. Songket
2. Hand weaving – Terengganu
3. Textile fabrics – Terengganu

$ 50.00 / HB
1120gm.

This book is written in Malay. Songket weaving not only serves as a utility art object that is blended neatly and beautifully worn but includes a rich aesthetic and philosophical value, derived from it. The adoption of this Malay dress also symbolizes the Malay values and customs of the highest value of civilization and politeness. However, despite its order and beauty, songket is full of diverse interpretations of meaning. Tenunan songket bukan hanya berfungsi sebagai objek seni utiliti yang diadun rapi dan cantik dipakai tetapi merangkumi nilaian estetik dan falsafah yang kaya, terbit daripadanya. Pemakaian busana Melayu ini juga melambangkan tatasusila dan adat Melayu yang tinggi nilai peradaban dan kesopanannya. Namun, di sebalik ketertiban dan keindahannya, songket sarat dengan pelbagai tafsiran makna.
http://www.marymartin.com/web?pid=423649
-------------------------------------------------------------------------------------
Bentong 'Kampungku' : 3.5199°N, 101.9134°E / Ed) Alizam Hasan, Osmihamidy Osman & Rosaniza Abbidin
Kuala Lumpur: Balai Seni Visual Negara, 2017
60p.
$ 20.00 / PB
128gm.
http://www.marymartin.com/web?pid=423650
-------------------------------------------------------------------------------------

Liku – Liku / Pelita Hati (Photographers) Azizi Saad & Nicholas Choong (Ed) Raja Khairul Annuar
Kuala Lumpur: Balai Seni Negara = National Art Gallery, 2018
48p.
9789670914268
$ 20.00 / PB
100gm.

Liku-Liku adalah satu pameran seni yang mempamerkan karya-karya dari dua orang pelukis iaitu Nicholas Choong dan Muhammad Hafiz Azizi. Kedua-duanya amat berbakat dalam menghasilkan karya mereka walaupun teknik dan cara penyampaian agak berbeza dalam mengungkap makna Liku-Liku. Meskipun begitu, persamaan ketara adalah dari segi interpretasi mereka yang berkisar kepada bandaraya, kehidupan dan persekitaran kotaraya yang semakin hari penuh dengan pancaroba.
'Liku-Liku' is an art exhibition featuring artworks of two painters-Nicholas Choong and Muhammad Hafiz Azizi. Both are very talented in producing their work with different technique and manner of presentation in translating the meaning of 'Liku-Liku'. Nevertheless, it is quite apparent of their similarity in terms of their appreciation using subjects that revolves around the city, the city's livelihood and the environment of our everyday lives.
**http://www.marymartin.com/web?pid=423651**

-------------------------------------------------------------------------------------

Titik Paling Selatan : Pontian, Johor / (Ed) Alizam Hasan, Osmihamidy Osman & Rosaniza Abbidin
(Festival Pelancongan Seni Komuniti 1Malaysia-1MCAT)
Kuala Lumpur: Balai Seni Visual Negara, 2016
64p.
$ 20.00/ PB
168gm.
**http://www.marymartin.com/web?pid=423652**

-------------------------------------------------------------------------------------

Pesona Terengganu/ (Ed) Alizam Hasan, Osmihamidy Osman & Rosaniza Abbidin
(Festival Pelancongan Seni Komuniti 1Malaysia-1MCAT)
Kuala Lumpur: Balai Seni Visual Negara, 2016
52p.
$ 25.00 / PB
138gm.
**http://www.marymartin.com/web?pid=423653**

-------------------------------------------------------------------------------------

Garisan Tomborungus Kudat : Sabah / (Ed) Alizam Hasan, Osmihamidy Osman & Rosaniza Abbidin
(Festival Pelancongan Seni Komuniti 1Malaysia-1MCAT)
Kuala Lumpur: Balai Seni Visual Negara, 2016
48p.
$ 20.00 / PB
130gm.
**http://www.marymartin.com/web?pid=423654**

-------------------------------------------------------------------------------------
Lakaran Visual Kuala Muda 104 – 2nd Malaysia International Art Biennale 2016 – Daiichi Modern Art Gallery : Kedah/ (Ed) Alizam Hasan, Osmihamidy Osman & Rosaniza Abbidin
(Festival Pelancongan Seni Komuniti 1Malaysia-1MCAT)
Kuala Lumpur: Balai Seni Visual Negara, 2016
56p.
$ 20.00/ PB
150gm.
**http://www.marymartin.com/web?pid=423655**
-------------------------------------------------------------------------------------
Kreativiti Dan Sensitiviti : Perlis / (Ed) Alizam Hasan, Osmihamidy Osman & Rosaniza Abbidin
(Festival Pelancongan Seni Komuniti 1Malaysia-1MCAT)
Kuala Lumpur: Balai Seni Visual Negara, 2016
48p.
$ 20.00/ PB
130gm.
**http://www.marymartin.com/web?pid=423656**
-------------------------------------------------------------------------------------
Ke Mana Juo : Negeri Sembilan / (Ed) Alizam Hasan, Osmihamidy Osman & Rosaniza Abbidin
(Festival Pelancongan Seni Komuniti 1Malaysia-1MCAT)
Kuala Lumpur: Balai Seni Visual Negara, 2016
72p.
$ 20.00/ PB
186gm.
**http://www.marymartin.com/web?pid=423657**
-------------------------------------------------------------------------------------

## Architecture

Rumah Melayu : Tradisional Negeri Kelantan / Abdullah Sani Kamaluddin, Mohd Hisham Omar & Imran Abdullah
Terengganu: Penerbit Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA), 2018
122P.
Includes Index
9789670899886

1. Malays, (Asian people) – Dwellings
2. Vernacular architecture – Malaysia – Kelantan
3. Architecture, Domestic – Design and plans – Malaysia – Kelantan
4. Ethnic architecture – Malaysia – Kelantan
5. Government publications – Malaysia

$ 48.00 / PB
388gm.

Rumah tradisional Melayu Kelantan yang satu ketika dahulu mempunyai kedudukan yang boleh dibanggakan kerana mempunyai reka bentuk struktur yang menarik, kreatif dan kukuh kini berada dalam situasi yang hampir pupus. Kedatangan pengaruh reka bentuk seni bina

yang moden ke negeri ini telah memburukkan lagi keadaaan sehingga tiada lagi tukang-tukang rumah Melayu mendapat tempahan untuk membina rumah-rumah tradisional. Situasi ini menyebabkan kepupusan reka bentuk rumah Melayu tradisional, khazanah yang tidak terbilai bagi negeri Kelantan. Generasi akan datang tidak akan lagi dapat melihat dan mengetahui kehebatan seni bina rumah tradisional yang dibina oleh generasi terdahulu. Buku ini menghimpunkan dan mendokumentasikan 20 buah rumah Melayu tradisional Kelantan untuk rujukan semua. Istimewanya, rumah-rumah tersebut dilukis kembali dengan menggunakan cat air dan disertakan dengan lukisan terukur pelan lantainya.
**http://www.marymartin.com/web?pid=419156**
-----------------------------------------------------------------------------------------

**Biography**

Amanah Mohamad Sabu / Zinitulniza Abdul Kadir
Kuala Lumpur: Institut Terjemahan & Buku Malaysia Berhad & Parti Amanah Negara, 2018
xi, 172p.
Includes Index
9789674608002

1. Mohamad Sabu – Anecdotes
2. Politicians – Malaysia – Anecdotes
3. Malaysia – Politics and government – Anecdotes

$ 22.50 / PB
450gm.

Berpuluh tahun di ‘kiri’, misi Mohamad ialah memperjuangkan demokrasi tulen untuk negara… dan apa tidak pernah dirasa sepanjang garis masa tersebut. Dihalang menamatkan pengajian, ditahan ISA, dibuang daerah, dituduh Syiah, malah ditohmah pengkhianat negara, tiada satu pun berhasil membuat dia berhenti… dan dugaan datang lebih besar apabila Mohamad memilih tinggalkan PAS untuk menubuhkan Parti Amanah Negara (AMANAH), selepas melihat parti itu berjalan semakin ‘songsang’ menuju arah yang sebelumnya bukan tujuan.
Berjiwa pejuang, derita dan hidup susah ibarat makanan kehidupan. Seperti kata ayahnya ketika dimaklumkan penahanan pertama Mohamad di Balai Polis Selayang pada 1977 ekoran terbabit dalam demonstrasi pelajar di Kuala Lumpur: *“Kalau perjuangannya betuk untuk membela kebaikan, hantar mayat depan rumah pun tak apa.”*
Buku ini menyusur sebahagian garis masa perjuangan Mohamad, selain berkongsi sebahagian sisi dirinya yang tidak pernah diketahui umum. Tidak wajar mengadili Mohamad sebagai ahli politik santai berdasarkan jenaka hebatnya di pentas, kerana dia sebenarnya pemikir… Ragu tidak percaya? Buku ini bukti bagaimana Mohamad adalah antara sosok penting yang mengubah hala tuju politik Malaysia hari ini. Dia bukan ‘pak turut’, tapi pemimpin tulen.
**http://www.marymartin.com/web?pid=423658**
-----------------------------------------------------------------------------

Khalid Salleh Di Mata Kami / (Ed) Anuar Manshor
Kuala Lumpur: Institut Terjemahan & Buku Malaysia Berhad, 2018
248p.
9789674608026

1. Khalid Salleh – 1948-
2. Actors – Malaysia
3. Motion pictures actor and actress – Malaysia

$ 20.00 / PB
420gm.

Buku ini menghimpunkan esei, kartun, lukisan, dan foto mengenai pandangan, pengalaman dan kenangan bersama-sama Khalid Salleh yang disumbangkan oleh 37 penyumbang karya pelbagai latar dan generasi dari Malaysia, Indonesia dan Singapura.
http://www.marymartin.com/web?pid=423659
------------------------------------------------------------------------------
Muhammad Haji Salleh Di Mata Kami / Rahimidin Zahari & Ridzuan Harun (Ed) Mohd Rozlan bin Mohamed Nor
Kuala Lumpur: Institut Terjemahan & Buku Malaysia Berhad, 2018
xvi, 162p.
9789674607470

1. Muhammad Haji Salleh, Prof. Ameritus, Dr., 1942-
2. Authors, Malay – Malaysia – Biography
3. Malay literature – History and criticism
4. Reportage literature, Malaysian

$ 17.50 / PB
298gm.

Muhammad Haji Salleh menerima Anugerah Sastera Negara pada tahun 1991 dan Tokoh Akademik Negara pada tahun 2008. Beliau kini menjadi Profesor Emeritus di Universiti Sains Malaysia. Muhammad ialah pencari teori dan falsaah yang tersirat dalam sastera dan ilmu tradisional tempatan. Dalam perjalanan ke sana beliau telah mengarang beberapa buah buku, termasuk *Puitika Sastera Melayu* (2000), *Romance and Laughter in the Malay Archipelago* (2006), *Permata di Rumput Gilang: Sastera Sebagai Ruang Bangsa* (2008), *Ghairah Dunia dalam Empat Baris: Sihir Pantun dan Estetikanya* (2013). Sementara itu beliau juga telah menerbitkan 15 buah kumpulan puisi dalam bahasa Melayu dan Inggeris. Kumpulan terkininya ialah *The Purple Desire of Island:Selected Poems* (2016). Muhammad pernah mengajar di Universti Michigan, dan menyandang kerusi kajian melayu di Universiti Leiden, Netherlands. Beliau mendapat gelaran Fulbright, Volkswagen, Toyota dan British Council, dan sementara itu juga menjadi felo penyelidikan di Universiti North Carolina Stare, Universiti California, Berkley, Universiti Kyoto dan Universiti Harvard.
http://www.marymartin.com/web?pid=423660
------------------------------------------------------------------------------
Anwar Ridhwan – Cerita Saya : Memoir Sehingga Tahun Tragedi 13 Mei 1969 / Anwar Ridhwan
Kuala Lumpur: Institut Terjemahan & Buku Malaysia Berhad, 2018
xiv, 382p.
9789674607685

1. Anwar Ridhwan, – Dato', – 1948 – Biography
2. Authors, Malay – Biography
3. Autobiography – Malaysia

$ 25.00

646gm.

"Ingat, nanti hubungan kamu dengan kawan-kawan sekampung berada dalam tiga keadaan. Pertama, ada yang agak selalu kamu temui lagi hingga kamu tua kalau panjang umur. Kedua, ada yang akan jarang-jarang kamu temui lagi, kerana membawa haluan masing-masing. Ketiga, akan ada yang tak akan kamu temui lagi, atas sebab-sebab yang hanya Allah mengetahuinya." - Ayah.
"Sehari dua ini, pergi jumpa beberapa orang tua kampung. Pergi jumpa Haji Sulaiman, imam kampung ini. Pak cik kamu Bahari. Pak cik kamu Haji Yusuf. Pak cik kamu Mahmud. Jumpa juga Haji Abdul Wahab, jiran kita. Beritahu depa, kamu nak pergi belajar di sabak. Minta restu dan doa depa." - Ayah.
"Luas kebun dan bendang sukar hendak ditambah, tetapi dengan ilmu seseorang boleh memiliki serta menguasai alam yang luas ini." - Pak Cik Bahari.
Perubahan tidak memerlukan nostalgia masa lampau, tetapi bagaimana kita mempersiapkan diri menangani keperluan-keperluan hidup dalam persekitaran serta teknologi yang baharu. Manusia beradab tinggi menyelesaikan sengketa di meja rundingan, sementara orang gasar menyangka penyelesaian dapat dicapai melalui pertumpahan darah.
**http://www.marymartin.com/web?pid=423662**
------------------------------------------------------------------------------
Tun Sir Henry Lee Hau Shik : Ahli Perniagaan dan Tokoh Politik / (Ed) Tan Miau Ing
Kuala Lumpur:  Penerbit Universiti Malaya, 2018
xxiv, 342p.
Includes Index
9789674880064
1. Lee, Henry H.S., – Tun Sir, – 1900-1988
2. Politicians – Malaysia – Biography
3. Statesmen – Malaysia – Biography
4. Businessmen – Malaysia – Biography
5. Malaya – History

$ 33.00 / PB
576gm.

Lee Hau Shik (1901-1988) atau lebih dikenali sebagai H.S. Lee merupakan salah seorang pengasas Malayan Chinese Association (MCA) dan terlibat secara langsung dalam pembentukan Parti Perikatan, iaitu Barisan Nasional hari ini. Beliau juga merupakan menteri kewangan yang pertama bagi Tanah Melayu yang baru merdeka. Lahir di Hong Kong dan lulusan University of Cambridge, Lee tiba di Tanah Melayu pada usia 24 tahun untuk meneroka perniagaan keluarganya dalam perlombongan bijih timah. Beliau kemudian muncul sebagai seorang pejuang kemerdekaan Tanah Melayu dan merupakan satusatunya orang Cina yang mewakili Tanah Melayu dalam rundingan kemerdekaan dengan British. Buku ini bukan hanya sebuah biografi politik H.S. Lee, tetapi juga merupakan satu kajian sejarah perniagaan dalam kajian perniagaan keluarga yang merentasi tiga generasi. Beberapa bidang industri yang kita lihat hari ini di Malaysia adalah milikan keluarga Lee suatu masa dahulu. Sesungguhnya, buku ini turut mencatatkan detik-detik penting dalam sejarah Malaysia serta membantu pembaca memahami sifat dan jenis kepimpinan yang berbeza dalam masyarakat Cina di Tanah Melayu.
**http://www.marymartin.com/web?pid=423664**

--------------------------------------------------------------------------------
Abu Bakar Hamzah : Tokoh Politik Islam Malaysia / Faizuri Abd Latif & Norafifah Ab Hamid
Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2018
xviii, 218p.
Includes Index ; Bibliography
9789834616649
Biografi Ulama Malaysia

1. Abu Bakar Hamzah
2. Ulama – Malaysia – Biography

$ 15.00 / HB
380gm.

Kemunculan seorang tokoh politik mampu mencetuskan pelbagai fenomena dalam perkembangan politik di Malaysia. Lebih-lebih lagi dengan kehadiran idea baharu dan berbeza daripada zaman sebelumnya tentu akan lebih merancakkan lagi percambahan pemikiran politik yang sentiasa berkembang. Kehadiran Abu Bakar Hamzah dalam pentas politik sejak zaman 1960-an telah menambahkan kerancakan politik di Malaysia. Ketokohan beliau dalam bidang politik tidak perlu dipertikaikan lagi, memandangkan beliau pernah memegang jawatan penting sebagai pemimpin utama dalam beberapa buah parti politik.
http://www.marymartin.com/web?pid=423665
--------------------------------------------------------------------------------
Srikandi : Biografi Penerima Pingat Emas Tun Fatimah, 1974-2013 / Nik Safiah Karim
Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2018
xxii, 154p.
9789834918590

1. Women - Malaysia – Biography

$ 10.00 / PB
232gm.
http://www.marymartin.com/web?pid=423667
--------------------------------------------------------------------------------
Yang Hilang Yang Datang / Khairudin bin Arshad & Mat Ha Ezad
Kuala Lumpur: Institut Terjemahan & Buku Malaysia Berhad, 2018
xiv, 162p.
9789674603687

1. Autobiography
2. Community life

$ 12.50 / PB
180gm.

Buku *Yang Hilang Yang Datang* cukup menarik dibaca oleh semua rakyat Malaysia khususnya para guru, pelajar penulis, pengkaji perubahan masyarakat dan mereka yang mencintai ilmu pengetahuan. Buku ini wajar diletakkan di setiap rumah di negara ini untuk dibaca, di perpustakaan awam, perpustakaan sekolah dan sebagainya untuk mereka mengetahuinya autobiografi tokoh ini. Banyak ilmu, maklumat dan pengalaman hidup yang mahal harganya terungkap dalam buku ini yang disampaikan dengan gaya bahasa yang mudah, komunikatif, kreatif dan inovatif.

http://www.marymartin.com/web?pid=423668
-----------------------------------------------------------------------------
**Ecology/Environment**

Membudayakan Kelestarian Dua Dasawarsa Lestari Di Persada Dunia / (Ed) Mohd Raihan Taha (et al.)
Bangi, Selangor: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM Press), 2018
476p.
Includes Index
9789674125271
1. Universiti Kebangsaan Malaysia – Institut Alam Sekitar dan Pembangunan
2. Sustainable development
3. Environmentalism
4. Festschriften
5. Government publications – Malaysia

$ 25.00 / PB
690gm.

Buku ini menyusuri sejarah penubuhan LESTARI dan perdagangan para ilmuannya tentang perkara semasa yang menjurus kepada pembangunan lestari. *Governance* atau tadbir urus merupakan pemberat penting dalam memastikan pembangunan mampan atau lestari di beri tumpuan khusus. Kekuatan buku ini juga terpahat kepada kejayaannya merungkai isu tertentu untuk rujukan pengubal dasar, para ilmuan dan masyarakat amnya. Buku ini diibaratkan sebagai sebuah institutional memory yang mengandungi pelbagai pengalaman luas dan pemikiran yang kritis daripada para penyumbang artikel yang terdiri daripada mereka yang berkaliber dan terlibat secara lansung dalam perkara yang diutarakan. Lebih menyegarkan apabila beberapa artikel yang dihasilkan adalah melalui penyatuan pemikiran antara para academia daengan pengamal dan pelaksana dasar. Buku ini dapat melonjakkan imej LESTARI dan para ilmuannya di persada dunia. - YBHG. DATO' DR. NADZRI BIN YAHAYA, *Pengerusi AECOM*
**http://www.marymartin.com/web?pid=421059**
-----------------------------------------------------------------------------
Pendidikan Alam Sekitar dalam Kalangan Pelajar Orang Asli di Malaysia / Norshariani Abd Rahman, Lilia Halim & Abdul Razaq Ahmad
Bangi, Selangor: Penerbit Universiti Kebangasaan Malaysia (UKM Press), 2018
120p.
Includes Index
9789674125813
1. Indigenous people – Malaysia
2. Environmental education – Malaysia
3. Environmental aspects – Malaysia

$ 15.00 / PB
192gm.

Pendidikan Alam Sekitar memainkan peranan penting dalam memelihara kualiti alam sekitar untuk generasi akan datang. Di Malaysia, Pendidikan Alam Sekitar bertujuan memberi

pengetahuan, membentuk sikap, meningkatkan motivasi dan mengubah tingkah laku terhadap penjagaan alam sekitar. Penjagaan alam sekitar adalah tanggungjawab bagi setiap individu termasuklah masyarakat Orang Asli. Oleh sebab masyarakat Orang Asli merupakan masyarakat yang paling rapat dengan alam sekitar, maka mereka mempunyai pengetahuan dalam menjaga alam sekitar yang dikenali sebagai indigenous knoeledge. Namun, perubahan dalam gaya hidup masyarakat Orang Asli ekoran daripada arus pemodenan menyebabkan kehakisan budaya dan pengetahuan yang berkaitan dengan alam sekitar dalam kalangan generasi muda. Jesteru, buku ini mengupas cara hidup masyarakat Orang Asli dalam menjaga alam sekitar secara tradisional dan Pendidikan Alam Sekitar dalam kalangan pelajar Orang Asli. Buku ini mengandungi lima bab yang membincangkan hubungan masyarakat Orang Asli dengan alam sekitar, perkembangan Pendidikan Alam Sekitar, celik alam sekitar, model tingkah laku penjagaan alam sekitar serta Penerapan Pendidikan Alam Sekitar dalam kalangan pelajar Orang Asli di Malaysia. Buku ini sesuai dijadikan rujukan untuk pendidik dalam Pendidikan Alam Sekitar serta penyelidik yang ingin mengembangkan penyelidikan Pendidikan Alam Sekitar dalam kalangan pelajar Orang Asli.
http://www.marymartin.com/web?pid=423670
--------------------------------------------------------------------------------

**General**

Percakapan dengan Raja Ahmad Aminullah : Kesetiaan Pada Idea / Raja Ahmad Aminullah (Foreword) Awang Azman Awang Pawi
Petaling Jaya, Selangor: Strategic Information and Research Development Centre (SIRD) , 2018
xvi, 248p.
9789672165231

1. Conversation
2. Interviews
3. Interviewing in journalism

$ 19.00 / PB
344gm.

Raja Ahmad Aminullah seorang penyair, penulis dan budayawan. Antara buku- bukunya ialah Menyarung Jiwa (puisi), Ketawalah, Tanahair Ku (puisi) serta Nuansa Nusantara - Art and Liberation (ITBM, 2011). Buku wacananya Minda Tertawan - Intelektual, Rausyanfikir dan Kuasa (SIRD) menerima sambutan meluas di kalangan generasi baru dan telah diulang terbit. Raja Ahmad Aminullah is a poet, writer and a key cultural figure in the country. His books of poetry include Menyarung Jiwa (Pustaka Cipta 2004), Soulship (ITBM 2009) and Ketawalah Tanahair Ku (ITBM 2017). His non-fiction books include Nuansa Nusantara - Art and Liberation (ITBM, 2011) as well as Minda Tertawan - Intelektual, Rausyanfikir dan Kuasa (SIRD). Minda Tertawan has received critical acclaim and is widely discussed by the new (young) generation.
http://www.marymartin.com/web?pid=423671
--------------------------------------------------------------------------------

**History**

Anekdot Ku Seman : Kayu Hulu Kapak / Ku Seman Ku Hussain
Kuala Lumpur: Institut Terjemahan & Buku Malaysia Berhad, 2018
xiv, 266p.
9789674607968

1. Ku Seman Ku Hussain – Anecdotes
2. Anecdotes
3. Journalists – Anecdotes

$ 18.00 / PB
270gm.

"ANEKDOT Ahad" ialah kolum paling singkat dan terakhir Ku Seman Ku Hussain sepanjang bertugas di Utusan Melayu. Sebelumnya, beliau mewujudkan "Getaran Seni", "Buai Laju-laju" dan "Halaman Akhir", mencurahkan buah fikiran dalam bidang seni, budaya dan sosial.
Daripada ribuan tulisan yang dihasilkan sepanjang lebih tiga dekad menjadi wartawan, tulisan beliau pada dua tahun terakhir sebelum meletakkan jawatan adalah sangat kontroversial. Ia dianggap karya-karya kewartawanan yang terbina dengan penuh kematangan.
Kolum yang diwujudkan dalam *Mingguan Malaysia* sebaik-baik sahaja beliau memimpin akhbar paling besar edarannya di negara ini. Sosok peribadi dan pemikiran beliau menjadi pemangkin terhasilnya karya-karya yang luar biasa, penuh satira, santai dan tidak kurang juga pedas hujahnya.
Karya-karya dalam buku ini adalah hasil taakulan beliau terhadap masyarakat sekeliling, juga tindak balas terhadap persekitaran sosiopolitik, budaya serta pergolakan politik yang diperagakan oleh kuasa-kuasa besar dunia. Semua pengamatan ini mencetuskan pemikiran kritis dan analitikal seorang wartawan yang akhirnya tertuang di dalam tulisan beliau.
Kolum "Anekdot Ahad" diperkenalkan pada Julai 2013 hingga Ogos 2015. Kemudian beliau sendiri memberhentikannya biarpun sedang hangat diperkatakan di sana sini. Kenapa? Semua ada dalam buku ini.
Membaca buku ini bagaikan menjelajah pemikiran dan prinsip seorang wartawan yang terdidik dengan disiplin kerjaya yang tinggi
**http://www.marymartin.com/web?pid=423672**
------------------------------------------------------------------------------
Arus Lembayung Merah Menyelubungi Borneo : Kisah Polis Yang Tidak Terperi Dan Berakhirnya Pemberontakan Komunis Sarawak (1952-1990) / James Ritchie with Thoo Kim Nyian & Wan Junaidi Tuanku Jaafar (Translated)
Sarawak/Puchong Selangor: Triple Enterprise & August Publishing Sdn. Bhd. (For Persatuan Bekas Polis Malaysia, Bahagian Negeri Sarawa=Ex-Police Association of Malaysia State of Sarawak), 2015
xxviii, 516p.
Includes Bibliography pg. 506
9789670536811

1. Police – Sarawak – History
2. Police administration – Sarawak – History

3. Communists – Sarawak – History – 1952-1990

$ 125.00 / HB
974gm.

"Arus Lembayung Merah adalah gambaran grafik tentang permulaan dan pembangunan pasukan Polis Sarawak seperti yang dilakarkan dari perkembangan sejarah dinasti Raja Brooke dan usaha berani para perintis Sarawak Rangers dan polis. Ia pasti satu gambaran yang menarik tentang penenteraman Sarawak semasa zaman Brooke dan gambaran cengkaman musim perang yang merbahaya untuk menumpaskan pemberontakan Sarawak Communist Organisation (SCO).
Ia telah diceritakan dari perspektif pihak Polis Sarawak dan kebanyakannya adalah informasi primer dari pegawai-pegawai tentera berpangkat rendah dan lain-lain pangkat dalam semua peristiwa yang berdarah. Ia berperanan menunjukkan sumbangan yang besar oleh Polis Sarawak kepada pembangunan Sarawak seperti yang dipamerkan Malaysia hari ini".
**http://www.marymartin.com/web?pid=401430**
------------------------------------------------------------------------------------------
Islam Dan Masyarakat Melayu Di Malaysia : Sejarah dan Perkembangan / (Ed) Mohammad Redzuan Othman
Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2018
xlvi, 576p.
Includes Index ; Bibliography
9789834915520

1. Islam – Customs and practices
2. Islam ethics

$ 27.50 / PB
802gm.
**http://www.marymartin.com/web?pid=423673**
---------------------------------------------------------------------------------
PraSejarah dan ProtoSejarah Tanah Melayu / (Ed) Nik Hassan Shuhaimi Nik Abdul Rahman & Zuliskandar Ramli
Sejarah Nasional Malaysia
Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2018
lii, 598p.
Includes Index ; Bibliography
9789834915421

1. Prehistoric people – Malaysia
2. Archaeology and history – Malaysia

$ 30.00 / PB
934gm.
**http://www.marymartin.com/web?pid=423675**
---------------------------------------------------------------------------------
Sejarah dan Perkembangan Undang-Undang Islam di Negeri Selangor : Teks dan Ulasan / Siti Zalikhah Md. Nor
Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2018
xiv, 458p.
9789834615734

1. Islamic law – Selangor – History

$ 25.00 / PB
622gm.

Buku ini mengandungi tiga perkara penting yang hendak diketengahkan kepada para pembaca. Pertama, sejarah negeri dan kesultanan Selangor. Perkara ini perlu difahami terlebih dahulu kerana sultan merupakan ketua agama Islam bagi negeri.
Kedua, institusi yang menguruskan hal ehwal Islam dan menguatkuasakan undang-undang Islam di negeri Selangor seperti Mahkamah Syariah Selangor dan Jabatan Mufti Negeri Selangor.
Ketiga, perkembangan undang-undang Islam di negeri Selangor.
**http://www.marymartin.com/web?pid=423676**
------------------------------------------------------------------------------
Deskripsi Mengenai Sabah daripada Pelbagai Perspektif : Esei-Esei Sumbangsih untuk Sabihah Osman / (Organzer)Eko Prayitno Joko (Ed) Ahmad Zamani Ishak
Kuala Lumpur: Institut Terjemahan & Buku Malaysia Berhad & Parti Amanah Negara (ITBM), 2018
xi, 340p.
978674602888
1. Sabah – Description and travel
2. Sabah – Politics and government
3. Sabah – History

$ 19.00 / PB
520gm.

Sabah bukan sahaja kaya dengan keindahan flora dan faunanya, tetapi juga kaya dengan kisah sejarahnya. Namun dalam tempoh masa tertentu, kekayaan ini masih tidak mampu menarik minat para sarjana tempatan untuk datang melihat, mengkaji dan seterusnya menulis berkenaan Sabah sehinggalah Sabihah Osman mendobrak tembok kekebalan tersebut dengan melakukan pengkajian berkaitan aspek politik dan sosial masyarakatnya.
Perkara inilah yang menjadikan penulisan beliau sebagai salah satu rujukan utama dalam pengkajian berkenaan Sabah. Justeru, wajar sekiranya seorang sarjana seperti beliau dikenang oleh generasi yang telah mengenalnya dan patut pula diperkenalkan kepada generasi akan datang. Atas matlamat tersebut, maka terhasillah buku ini yang bukan sahaja mengenang seorang guru, teman dan pakar yang luar biasa, tetapi juga melukiskan sebuah galaksi kepakaran berkenaan Sabah yang sumber geraknya berporoskan pada sosok Sabihah Osman.
Kehadiran buku ini jagat ilmu tanah air telah memperkaya khazanah wacana ilmiah khususnya yang berkaitan dengan Sabah. Sesungguhnya selain sebagai mengenang jasa Profesor Emeritus Dr. Sabihah Osman, buku ini juga boleh dijadikan sebagai sumber rujukan yang berwibawa khususnya kepada pengkaji dan peminat sejarah tanah air.
**http://www.marymartin.com/web?pid=423678**
------------------------------------------------------------------------------

## Literature

Apa Ada Noah? / Dr. Malai Yunus Malai Yusof (Noh)
Brunei: Brunei Press Sdn Bhd
176p.
Comics
9789991798233
$ 15.00 / PB
294gm.
http://www.marymartin.com/web?pid=423679
---------------------------------------------------------------------------
Pantun dan Xintianyou : Satu Perbandingan / Tan Xiao
Petaling Jaya, Selangor: Strategic Information and Research Development Centre (SIRD) , 2018
xvi, 136p.
Malay & Chinese Text
9789672165323

1. Malay poetry – History and criticism
2. Malay literature – History and criticism

$ 10.00 / PB

Spektrum kesejagatan bahasa sebagai cermin pemikiran dan budaya bangsa tampak lebih luas apabila kita memperhatikan wujudnya persamaan dalam ranah kesusasteraan bangsa-bangsa sedunia. Adanya bentuk prosa dan puisi dalam pelbagai genre yang terhasil sebagai upaya kreativiti pemikir dan pengarang menjadi ciri persamaan sejagat bagi semua bangsa yang bertamadun. Dalam jalur inilah kita menyaksikan pentingnya tema yang diangkat oleh penulis buku ini Prof. Madya Dr. Tan Xiao, iaitu persamaan antara pantun sebagai puisi klasik Melayu dengan xintianyou sebagai lagu rakyat China.
http://www.marymartin.com/web?pid=423680
---------------------------------------------------------------------------
Kumpulan Puisi Aksara : Laluan Insani / Syed Hamid Syed Jaafar Albar
Kuala Lumpur: Institut Terjemahan & Buku Malaysia Berhad & Parti Amanah Negara, 2018
xviii, 398p.
9789674607692
$ 25.00 / PB
622gm.

Karya *Kumpulan Puisi Aksara: Laluan Insani* mengandungi pelbagai subjek yang melibatkan persoalan peribadi, ketuhanan dan kemanusiaan. Ia juga merangkumi persoalan kehidupan dan masyarakat, hubungan antara individu sesama individu. Ia juga menyentuh alam dan manusia dalam pergolakan dan konflik. Puisi saya juga menyentuh secara langsung dan sindiran isu politik serantau dan antarabangsa serta pemain-pemainnya yang mewarnai dunia. Tidak terkecuali kisah daripada kerakusan dan kezaliman manusia sehingga alpa tentang kata pemutus yang datangnya daripada yang Maha Esa. Koleksi puisi ini cuba menggambarkan cinta dan kasih sayang sesama insan bagi mencapai kedamaian dan ketenangan. Oleh kerana saya amat dekat merasai persoalan keadilan dan keihsanan yang manusia perlu miliki, karya saya banyak membicarakan subjek-subjek tersebut. Tidak ketinggalan juga mewarkahkan isu

dan cabaran *order* antarabangsa yang pincang bagi menyelesaikan masalah hak asasi manusia serta pencabulannya di Bosnia, Palestin, Myanmar dan di tempat lainnya. Berdepan dengan pengalaman dan pemerhatian maka saya amat kritikal dan vokal kepada kepincangan kemanusiaan yang wujud. Saya membentuk persepsi dan realiti mengenai kesombongan dan keangkuhan insan, kuasa dan negara daripada pelbagai perspektif. Sebenarnya tajuk buku yang diberikan judul "*Kumpulan Puisi Aksara: Laluan Insani*:, tepat sekali menggariskan langkah dan perjalanan hidup yang mengandungi rintihan, liku-liku dan gelombang kehidupan yang pelbagai. Namun saya bersyukur kepada Allah SWT kerana memberikan curahan idea dan ilham yang membolehkan saya meninta kata hati dan jiwa saya selaku insan yang dipinjamkan nyawa, nafas dan roh untuk menukilkan puisi dengan harapan untuk berkongsi pengalaman dan iktibar dengan pembaca-pembaca budiman.
**http://www.marymartin.com/web?pid=423681**
---------------------------------------------------------------------------
Kosmologi Zurinah Hassan / Muhammad Fadzil Yusoff
Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2018
x, 326p.
Includes Index ; Bibliography
9789834919535

1. Zurinah Hassan, – 1949-
2. Malay literature – History and criticism
3. Malay literatures – Criticism, Textual
4. Government publications – Malaysia

$ 18.00 / PB
378gm.

Kosmologi Zurinoh Hassan membincangkan aspek kosmologi yang difokuskan dalam dua bentuk, iaitu kosmologi biotik dan kosmologi abiotik. Tidak ketinggalan, buku ini juga menerapkan aspek alam sosial, kemanusiaan dan budaya yang membicarakan isu berkaitan dengan kemiskinan, pendidikan, akhlak, kasih sayang, kesetiaan, jati diri,pencemaran alam, kepemimpinan, pengangguran, perpecahan dan pertelagahan akibat perbezaan serta kemanusiaan. Buku ini memberikan tumpuan kepada tujuh antologi dan kumpulan puisi Zurinah Hassan, iaitu Sesayup Jalan (1974), Perhentian (1977), Keberangkatan (1985), PujanggaTidak Bernama (1994), Nota Waktu (bersama-sama LimSwee Tin, 2003), Pesanan dari Gunung Ledang (2004), dan Salasiloh (2005).
**http://www.marymartin.com/web?pid=423683**
---------------------------------------------------------------------------
Kumpulan Puisi : Kembara Kayangan / Jamdin Buyong
Kuala Lumpur: Dewan Bahasa and Pustaka, 2018
xx, 122p.
9789834913618

1. Malay poetry
2. Sajak

$ 8.00 / PB
196gm.
**http://www.marymartin.com/web?pid=423684**
---------------------------------------------------------------------------

Gurindam Jiwa Penawar Duka / Ami Masra
Kuala Lumpur: Dewan Bahasa and Pustaka, 2018
xxviii, 124p.
9789834918637
1. Malay poetry
2. Gurindam
$ 10.00 / PB
182gm.
http://www.marymartin.com/web?pid=423686
---------------------------------------------------------------------------
Samran / Praset Eh Chai
Kuala Lumpur: Institut Terjemahan & Buku Malaysia Berhad, 2018
724p.
9789674607333
1. Malaysian fiction (Malay)
2. Malay fiction
$ 25.00 / PB
678gm.

Budu yang dicecah dengan pucuk ketereh menjadi hidangan seharian mereka. Wanitanya selalu berkain batik Jawa dengan kain lepas sebagai penutup kepala menjadi pakaian seharian. Lelaki mereka juga selalu bersemutar dengan kain lepas dan berkain pelekat kilas di pinggang. Sabit di tangan untuk mencerut rumput, atau menahan pukat dan ternilai di baruh ialah kerja seharian mereka. Mereka saling tak tumpah seperti orang melayu di Kelantan. Malah nama panggilan seharian mereka juga banyak menggunakan nama orang melayu. Banyak juga yang "masuk Melayu". Yang membezakan mereka dengan orang Melayu hanyalah pegangan agama dan kepercayaan. Yang lain adalah sama.
*Samran* bercerita tentang perjuangan, kasih sayang dan pengorbanan. Ia juga bercerita tentang rasa benci yang menghunjam tanpa perkiraan waktu tetapi disisih pergi dengan kasih sayang yang mengalir tanpa putus. *Samran* adalah tentang budaya, adat resam dan kepercayaan sekelompok masyarakat yang majoritinya mendiami perkampungan di sempadan Malaysia – Thailand. *Samran* adalah tentang askar bangsa yang sering dipersoalkan statusnya, dan ia juga bercerita tentang asakan terhadap budaya warsan bangsa. Ada cerita yang tidak terucap. Ada sejarah yang tidak terungkap. Kesemuanya terungkai dalam *Samran*.
http://www.marymartin.com/web?pid=423687
---------------------------------------------------------------------------
Kabus Misteri / Amini Gawis (Ed) Johariz
Kuala Lumpur: Institut Terjemahan & Buku Malaysia Berhad, 2018
172p
Includes Bibliography
9789674607715
1. Malaysian fiction (Malay)
2. Malay fiction
$ 12.50 / PB
178gm.

Cerita ini hanyalah rekaan dan imaginasi penulis semata-mata. Imaginasi yang sering berlegar-legar di ruang minda manusia ada kalanya sukar untuk ditebak. Begitu juga dengan setiap kejadian yang berlaku dan baik buruknya nasib setiap makhluk-Nya juga sukar ditebak hamba-Nya. Namun, semuanya sudah sedia tercatat di lohmahfuz. Sebagai manusia yang waras dan beriman, kita hanya mampu berusaha dan berdoa. Selebihnya, reda dan bertawakallah. Walaupun karya ini bukanlah sebuah karya yang berpaksikan cerita di sebalik misteri kehilangan MH370 yang sebenarnya, jauh sekali ingin menumpang kehangatan misterinya, namun sekurang-kurangnya karya ini memberikan gambaran bagaimana emosi, persepsi, dan kesannya terhadap waris mangsa yang terlibat dalam apa-apa nahas sekalipun. Belangsukawa MH370, abadilah di mana-mana sahaja anda berada. Al-Fatihah
**http://www.marymartin.com/web?pid=423688**
---------------------------------------------------------------------------
Duda Terlajak Laris / Aifa Batrisya (Ed) Jabatan Editorial P2u
Cheras, Selangor: Penulisan2u (Penulisan Enterprise), 2016
iv, 586p.
9789670567518
1. Malay fiction

$ 12.50 / PB
456gm.
Laris memanglah laris tapi sayang, mulutnya bak longkang tak bertapis...
Apakah perasaan anda saat disuruh bernikah ketika berusia 18 tahun dan kemudiannya menduda waktu usia perkahwinan baru menjangkau usia dua tahun?
Itulah yang terpaksa dihadapi oleh Zack biarpun dalam keadaan separuh relanya. Rela pun dia dengan pernikahan itu pun hanya kerana dia memikirkan air muka tok ayah, insan kesayangannya yang juga imam Masjid Batu Lima. Disebabkan sebiji mentol, hidupnya jadi huru-hara dek perangkap gadis genit bernama Pehah, adik angkat sahabatnya iaitu Bob.
“Dan saya harap walau jauh mana pun awak pergi, suatu hari nanti awak tetap akan cari dan kembali kepada saya. Itu doa saya!” – Pehah.
“Pehah, Pehah...Dunia ni bulat tau tak? Bulat. Tapi bulat macam mana pun, tak bermakna pusing-pusing aku akan jumpa kau juga. Ada ramai lagi perempuan dalam dunia ni yang aku boleh jumpa. Kau kasilah peluang dekat aku jumpa yang ala-ala Siti Nurhaliza ke, Izara Aishah ke. Ini tidak, kau nak juga aku jumpa kau lagi. Memang bad lucklah aku kalau begitu ceritanya. Aduhaiii...”– Zack.
**http://www.marymartin.com/web?pid=423689**
---------------------------------------------------------------------------
Cinta… Jangan Lari Dariku / Liz Haliza (Ed) Jabatan Editorial Karyaseni
Cheras, Selangor: Penerbitan Karyaseni Sdn. Bhd., 2014
iv, 552p.
9789670246680
1. Malay fiction

$ 11.00 / PB
436gm.

CLARISSA IMANI gadis manis yang lepas bebas. Hobinya pada waktu malam ialah ‘mencucuk bintang' di langit. Puas dinasihati Ameena, teman serumahnya tetapi ibarat mencurah air ke daun keladi. Dia masih lagi begitu menjadi penghuni tetap kelab malam di Kuala Lumpur. Kepulangan EDRIS SHAH ANUGERAH ke bumi Malaysia setelah lima

tahun menetap di bumi Australia disambut gembira oleh seluruh ahli keluarganya tetapi Anugerah pulang bukan seorang diri. Dia pulang membawa seseorang puteri comel yang bernama Sutra Ashikin. Mujur seluruh keluarga dapat menerima tanpa menduga ada rahsia besar yang disimpannya.
Mereka ditakdirkan hidup berjiran. Pertemuan yang biasa-biasa sahaja akhirnya bertukar menjadi luar biasa. Rindu mula datang. Cinta mula mekar. Kasih mula bersemi. Sayang kini pasti.
“Abang nak kahwin dengan Rissa?” “Kalau orang di sana sudi, orang di sini apatah lagi.”
Benarlah kata orang, bukan cinta namanya tanpa sebarang dugaan. Melia datang menuntut haknya. Demi haknya yang cuba dinafikan membuatkan Melia berubah dan seterusnya memecahkan rahsia yang disimpan rapi oleh Anugerah.
**http://www.marymartin.com/web?pid=423690**
---------------------------------------------------------------------------
Antologi Cerpen Inspirasi Usman Awang : Di Bawah Bayang Tulip Merah / AC Jaffrie (Ed)Rozlan
Kuala Lumpur: Institut Terjemahan & Buku Malaysia Berhad, 2018
viii, 125p.
9789674607876

1. Usman Awang – 1929-
2. Short stories, Malay
3. Malay fiction

$ 12.50 / PB
142gm.

Antologi ini diusahakan untuk mengangkat karya-karya puisi terpilih Sasterawan Negara (SN) Usman Awang dalam bentuk inspirasi cerpen. Melalui usaha ini secara tidak langsung, penulis dapat menyelami hasil perjuangan SN Usman Awang yang telah dihasilkan sekian lama. Bagi penulis generasi sekarang yang kebanyakannya tidak sezaman dengan Usman Awang, ini adalah satu peluang untuk menghargai karya hebat beliau. Kelahiran buku ini memupuk semangat perpaduan masyarakat yang berbilang kaum selain menjadi satu khazanah dunia perbukuan tanah air.
**http://www.marymartin.com/web?pid=423692**
---------------------------------------------------------------------------
Antologi Cerpen : Penerima Anugerah S.E.A. Write Malaysia – Thailand / SM Zakir
Kuala Lumpur: Institut Terjemahan & Buku Malaysia Berhad, 2018
xxvi, 398p.
9789834607494
$ 17.50 / PB
416gm.

Penerbitan Antologi Cerpen Penerima Anugerah S.E.A. Write Malaysia-Thailand ini adalah antara usaha yang diikhtiarkan oleh ITBM dan dana Kanokphong Songsomphan untuk mengeratkan hubungan dua negara berjiran – Malaysia dan Thailand - melalui sastera. Dalam konteks ini, 14 buah karya cerpen daripada 14 orang penulis yang pernah menerima S.E.A Write Award daripada kedua-dua buah negara (tujuh orang daripada setiap negara) telah dipilih. Masing-masing karya menggarapkan isu yang berbeza tetapi mempunyai aroma serantau yang apabila dihalusi akan menjumpai satu titik temu kerana kesenian yang baik

selalu tepu dengan maksud yang lebih baik daripada rupa bentuk fizikalnya. Hasil perkongsian melalui budaya dan sastera ini memungkinkan dua bangsa serantau, yang pernah dipecahbelahkan oleh bangsa penjajah suatu ketika dahulu, kembali meninjau asal usul masing-masing lalu mengembalikan kesefahaman yang sebenar-benarnya.
Untuk tujuan menyebarluaskan pembacaan serta untuk merealisasikan matlamat penerbitannya supaya biar betul-betul sampai kepada khalayak pembaca, antologi ini diterbitkan dalam dua versi – bahasa Melayu (diterbitkan oleh ITBM) dan bahasa Thai (diterbitkan oleh dana Kanokphong Songsomphan). Para cerpenis penerima S.E.A. Write Award dari Thailand yang karyanya dimuatkan dalam antologi ini ialah Sila Komchai, Phaitoon Thanya, Vachara Sajasarasin, Rewat Phanpipat, Prabda Yoon, Jadet Khamjorndej dan Dan-Aran Saengthong manakala para cerpenis penerima S.E.A. Write Award dari Malaysia pula terdiri daripada Jong Chian Lain, S.M. Zakir, Siti Zainon, Anwar Ridhwan, Azizi Haji Abdullah, Zaen Kasturi dan Azmah Nordin.
**http://www.marymartin.com/web?pid=423693**
----------------------------------------------------------------------------
Seru : Antologi Cerpen Peraduan Penulisan Sastera Kreatif 2013, Anjuran DBP Cawangan Sarawak
Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2018
xxii, 394p.
9789834916800
1. Short stories, Malay
2. Malay fiction

$ 13.00 / PB
336gm.

Antologi ini mengandungi 21 buah cerpen antaranya bertemakan budaya, adat, kepercayaan dan pendidikan. Cerpen-cerpen yang dimuatkan dalam antologi ini merupakan hasil daripada Peraduan Sastera Kreatif 2013 anjuran Dewan Bahasa dan Pustaka Cawangan Sarawak. Keseluruhan cerpen mempertaruhkan kekuatan daripada aspek penceritaan yang lancar, pembinaan struktur yang kemas dan penguasaan bahasa yang baik. Kebanyakan penuis dalam antologi ini merupakan penulis yang terkenal di peringkat kebangsaan.
**http://www.marymartin.com/web?pid=423694**
----------------------------------------------------------------------------
Kumpulan Cerpen : Lelaki dari Kelantan / Lee Keok Chih
Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2018
viii, 522p.
9789834915780
1. Short stories, Malay

$ 15.00 / PB
424p.

Buku ini memuatkan cerpen yang meinaparkan kehidupan masyarakat Cina kampung di perkampungan terpencil di Kelantan. Masyarakat Cina kampung di Kelantan telah berasimilasi dengan budaya masyarakat Melayu Kelantan dengan begitu kukuh sekali. Mereka menikmati kesenian dan kebudayaan masyarakat Melayu Kelantan, seperti menonton dikir barat, bermain wau, serta segala permainan kampung. Mereka juga mempunyai kecintaan yang mendalam terhadap tanah Kelantan yang menjadi tempat lahir mereka sejak

turun-temurun, dan mengamalkan hidup sebagaimana masyarakat Melayu serta mempunyai kepercayaan terhadap mitos dan tradisi Melayu.
http://www.marymartin.com/web?pid=423695
---------------------------------------------------------------------------
Kumpulan Cerpen : Bagai Sarang Burung di Ranting / Sasterawan Negara Arena Wati
Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2018
xii, 100p.
9789834919528
1. Short stories, Malay
2. Malay fiction

$ 7.50 / PB
104gm.

Sasterawan Negara Arena Wati memang dikenall sebagai seorang intelektual yang naratifnya sentiasa dihasilkan dengan hati yang jujur dan luhur. Kepengarangan dan kekreatifannya dlakui hogitu berkesan dalam membisikkan pendkIrannya menerusn pelbagai genre sastera. Dalam kumpulan cerpen ini, Arena Watt menyampalkan persoalan sosiopolltlk pada tahun 1950-an yang kurang diketahul oleh pembaca masa kini. Isu soslopolitik Itu pula bersandar pada zaman penulisnya masih relatif muda dan bergejoiak dengan ideailsrne sebagal karyawan media yang penuh dengan sifat ingin tahu. Cerpen-cerpen ini dihasiikan dua tahun sebelum Arena Wati meninggal dunia dan belum pernah diterbitkan, yang dItemui selepas kematiannya oleh isterinya, Ibu Halimah Sulung.
“Tiba-tiba aku dirasuk naluri terpendam, suatu jenis empirik dari era lampau aku di samudera. Apabila taut dihentam badai dan anak buah aku dikuasai perasaan tegang, aku segera mengendurkan ketegangan mereka melalui kalimat kelakar. Sekarang pun aku mahu menenangkan Abdul Rahman dan Adam Osman, maka aku berteriak ke belakang….”
‘Tidak ada orang tersia-sia dan tidak akin disia-siakan. Semua orang di negeri ini diperlukan tenaga dan fikirannya Setiap orang wajib memberi Jasa menurut kemampuannya. Dalam Malaya merdeka, semua orang perlu sebulat tekad dan bekerja keras demi….”
http://www.marymartin.com/web?pid=423696
---------------------------------------------------------------------------
Novel Awal Remaja : Dunia Sayap Kecil / Mersik Romogu
Kuala Lumpur: Institut Terjemahan & Buku Malaysia Berhad, 2018
vi, 306p.
9789674607647
1. Malaysian fiction (Malay)
2. Young adult fiction, Malay
3. Malay fiction

$ 15.00 / PB
334gm.

"Kalau kita tak dapat mendudukinya dengan selesa, biarlah anak cucu kita yang merasainya. Merasai apa maknanya keamanan, kebebasan dan keselesaan.” Sorakan semakin kuat meninggi memenuhi ruang udara kota larak yang aman dan damai. Apakah konflik dua dunia ini akan bertemu jalan penyelesaian pada satu titik silang? Mampukah mereka menghalang kemusnahan yang bakal berlaku di dunia mereka, sedangkan masa semakin menghambat dan percaturan ini melibatkan hidup dan mati?

http://www.marymartin.com/web?pid=423697
--------------------------------------------------------------------------
Novel Remaja : Surat Biru / Nor Hayati Haya & Wildan Haya
Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2018
392p.
9789834919702
1. Malaysian fiction (Malay)
2. Malay fiction

$ 10.00 /PB
302gm.
http://www.marymartin.com/web?pid=423698
--------------------------------------------------------------------------
Drama Remaja : Apabila Burung Tidak Berkicau Lagi / Dayangku Mastura Pg. Ismail
Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2017
Viii, 168p.
9789834618025
$ 8.00 / PB
154gm.
Drama ini berkisar mengenai seorang remaja,Hadi telah kehilangan arah hingga berubah sikap menjadi remaja yang tidak bertangungjawab akibat ayah dan ibunya berpisah.Hadi dipengaruhi rakannya melakukan perkara melanggar undang-undang iaitu mengebom dan meracun ikan di sungai.Pada suatu hari,Hadi secara tiba-tiba berada d alam berlainan di mana haiwan boleh bercakap.Ikuti kisahnya di dalam buku ini.
http://www.marymartin.com/web?pid=423699
--------------------------------------------------------------------------
**Linguistics**

Etos dan Ekspresi Budaya Melayu / (Eds) Nur Afifah Vanitha Abdullah & Yusmilayati Yunos
Bangi, Selangor: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM Press), 2018
166p.
Includes Index
9789674124397
1. Malay literature – History and criticism
2. Malay language – Study and teaching
3. Malays (Asian people) – Social life and customs

$ 15.00 / PB
256gm.

Buku *Etos dan Ekspresi Budaya Melayu* bertujuan menyebarkan ilmu terkini dalam bidang pengajian budaya Melayu. Sehubungan itu pelbagai aspek seperti falsafah, budaya material dan ekspresi budaya Melayu diperbincangkan dalam konteks teori, pemuliharaan, amalan dan simbol budaya. Sebahagian daripada bab dalam buku ini bersifat sama ada mengemaskini ilmu sedia ada, mengetengahkan amalan, ekpresi dan atifek budaya dalam perspektif baharu, atau membincangkan isu kesinambungan serta 'sustainabiliti' subjek yang diperkatakan. Buku ini amat sesuai dijadikan bahan rujukan dan bacaan umum tentang budaya Melayu di Malaysia. Subjek yang diperbincangkan agak komprehensif dan mencakupi hampir kesemua

aspek budaya, termasuk seni persembahan dan filem sebagai ekspresi budaya masyarakat Melayu. Malah amalan dan budaya material dari Sabah dan Sarawak turut diangkat sebagai subjek perbincangan dalam buku ini. Buku ini turut bertujuan memperluas dan melengkapkan korpus ilmu dalam bidang budaya Melayu.
http://www.marymartin.com/web?pid=370405
--------------------------------------------------------------------------------
Linguistik Bandingan Iban / Rahim Aman, Muhammad Nur Latif & Shahidi A. Hamid
Bangi, Selangor: Penerbit Universiti Kebangasaan Malaysia (UKM Press), 2018
262p.
Includes Index
9789674125967

1. Iban language – Sarawak
2. Iban language – Phonology, Comparative

$ 18.00 / PB
380gm.
Linguistik Bandingan Bahasa Iban merupakan sebuah buku hasil daripada kajian yang berterusan sejak tahun 2012 sehingga kini. Kajian yang ada sebelumnya hanya bersifat terarah pada lokasi tertentu yang sekaligus memperoleh dapatan yang juga bersifat in-situ. Buku ini menghuraikan rekonstruksi dan klasifikasi ke atas tujuh variasi Iban yang wujud di Sarawak. Tujuh wariasi Iban yang dituturkan di Sri Aman, Betong, Sarikei, Sibu, Bintulu, Kapit dan Limbang telah dijadikan sumber analisis dalam kerangka ilmu linguistik Bandingan. Usaha perbandingan variansi Iban ini adalah satu usaha yang sulit kerana medan penilitian yang wujud di sana amat sukar dan penuh rintangan. Namun, untuk melengkapkan dan menambahkan khazanah iventori kajian linguistik bandingan yang langka itu, buku ini dihasilkan dan direncanakan dengan penuh wibawa dalam lingkup kajian bandingan historis. Acuan rekonstruksi yang diaplikasikan dalam penulisan ini ialah acuan rekonstruksi dalaman dan klasifikasi pula berdasarkan ciri inovasi bersama yang wujud dalam semua variasi Iban. Selain itu, buku ini juga menampilkan rekonstruksi leksikal terhadap lapan leksikal terhadap lapan leksikal medan semantik, iaitu waktu, bilangan, alam persekitaran dan warna, alat kelengkapan rumah tangga, istilah kekerabatan, kata ganti nama, anggota tubuh manusia dan haiwan dan anggota tubuhnya. Istimewanya buku ini ialah keupayaan memaparkan satu bentuk bahasa purba Iban yang dinamakan Basa Ibanik Serawak Purba (BISP) hasil daripada satu proses rekonstuksi dalaman yang penuh wibawa. Klasifikasi ke atas tujuh variasi Iban ini juga mengesahkan bahawa Variasi Iban Sibu, Kapit dan Bintulu lebih rapat dibandingkan dengan variasi Iban Sri Aman, Limbang, Betong dan Sarikei. Apa yang jelas, buku ini menampilkan satu dapatan baru dalam linguistik bandingan bahasa Iban.
http://www.marymartin.com/web?pid=423691
--------------------------------------------------------------------------------------
Teori Dan Kaedah Fonetik / Asmah Haji Omar
Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2018
x, 292p.
Includes Index ; Bibliography
9789834915773

1. Malay language – Phonetics
2. Malay language – Phonology

$ 10.00 / PB

348gm.

Buku Teori dan Kaedah Fonetik ini menghuraikan dan membincangkan teori dan kaedah, berdasarkan tiga cabang utama ilmu berkenaan, laitu fonetlk artikulasl, fonetik akustik, dan fonetik auditor,. Teori-teori yang diperkatakan dalam buku ini merupakan teori utama daripada tokoh yang terkenal yang melihat bunyi bahasa dari aspek tertentu. Perbincangan dalam buku ini juga merangkumi penjelasan tentang ilmu fonetik yang bersifat universal, yakni yang boleh diterapkan dalam menghadapi dan menganalisis bunyi bahasa. Oleh itu, ilmu fonetik dalam buku ini bukan dimaksudkan untuk bahasa Melayu dan bahasa-bahasa yang sekeluarga dengannya sahaja, tetapi untuk semua bahasa. Dalam perkataan lain, prinsip-prinsip yang dibincangkan dalam buku ini termasuk dalam fonetik am (general phonetics). Buku ini amat sesuai dijadikan sebagai rujukan kepada pelajar linguistik di institusi pengajian tinggi, tenaga pengajar dan pengkaji bahasa.
http://www.marymartin.com/web?pid=423685
--------------------------------------------------------------------------------------
**Politics**

Gerakan Berpolitik Bumiputera Islam Di Sabah (1938-1963) / Eko Prayitno Joko, Zaini Othman & Saat Awg Damit
Kota Bahru, Kelantan: Kedai Hitam Putih, 2018
vii, 153p.
9789671307748
$ 15.00 / PB
188gm.
http://www.marymartin.com/web?pid=423682
--------------------------------------------------------------------------------------
**Religion - Islam**

Pemerkasan Kesejahteraan Hidup Orang Asli Di Malaysia / (Ed) Abdul Ghafar Don, Aniza Ismail & Zulkefli Aini
Bangi, Selangor: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM Press), 2018
284p.
Includes Index
9789674125820
1. Indigenous peoples – Malaysia
2. Islam – Missions – Malaysia
3. Da'wah (Islam)

$ 20.00 / PB
422gm.

Kesejahteraan hidup adalah elemen penting dalam menjamin kebahagiaan hidup manusia. Komuniti Asli yang dikategorikan sebagai kaum manoriti di negara ini adalah sebahagian daripada entiti masyarakat turut mendambakan kesejahteraan hidup. Buku ini yang bertajuk Pemerkasaan Kesejahteraan Hidup Orang Asli di Malaysia adalah kompilasi daripada kajian para ahli akademik Universiti Kebangsaan Malaysia dalam pelbagai bidang iaitu kesihatan, agama, sosial, pendidikan dan ekonomi. Gabungan pelbagai kepakaran bidang dalam

menghasilkan buku ini telah memberi 'sinergi' dan nilai tambah dalam kajian berkaitan masyarakat Orang Asli. Malah hasil kajian yang dibukukan mampu menjadi sumber rujukan penting kepada pembuat polisi dan pihak berkepentingan berkaitan dasar pembangunan Orang Asli, para pengkaji dan masyarakat umum. Buku ini dibahagikan kepada dua tema utama iaitu tema sosio-budaya dan kesihatan Masyarakat Orang Asli. Isu-isu yang dibincangkan seperti pengenalan masyarakat Orang Asli, pengukuran kesejahteraan hidup, pemerkasaan pendidikan anak-anak, faktor sosio budaya dan kesejahteraan ekonomi, aplikasi kemahiran komunikasi dakwah dan advokasi literasi dalam pembangunan komuniti peribumi, kualiti kesihatan, jangkitan parasit usus, penyakit malaria, tahap malpemakanan, pendedahan pestisid dan kesan ke atas anak-anak Orang Asli adalah termasuk kedalam kedua-dua tema ini. Selain menjadi rujukan kepada pihak berkepentingan dan pengkaji, buku ini diharap dapat menambah korpus ilmiah dlam kajian berkaitan komuniti Asli di negara ini.
http://www.marymartin.com/web?pid=421060
--------------------------------------------------------------------------------
Membebaskan Allah dari "Islam" / Syazreen Mohd
Seksyen 15, Selangor: Thukul Cetak Sdn Bhd., 2018
176p.
9789672011972

1. Pluralism – Religious aspects – Islam
2. Religious pluralism – Islam
3. Islam – Doctrines

$ 12.50 / PB
152gm.

"Menjadi religius sekarang ini berarti menjadi interreligius". Kesimpulan ini diamini oleh Mohd Syazreen Abdullah, bahwa sesungguhnya perkembangan Islam di masa yang akan datang akan merupakan hasil langsung dari dialog yang serius dengan agama-agama lain. Kesimpulan yang akan menantang iman kita, kalau kita belum mengembangkan ruang inklusif untuk adanya agama lain dalam keberagamaan kita". – **Budhy Munawar Rachman**
"Penulis cuba mengupas beberapa persoalan besar yang menyentuh erti keimanan, hubungan antara agama dan sikap keberagamaan di tengah-tengah kemajmukan. Pemikiran yang ditawarkan oleh penulis wajar diberikan perhatian tanpa melihatnya sebagai definitif ". – **Mohamed Imran Mohamed Taib**
"Syazreen menawarkan Islam yang tenang, aman dan menggerakkan. Gerakan sangat penting di dalam Islam kerana ia merupakan hasil dari pemerahan akal. Ia merupakan tuntutan monoteisme. Meskipun suara Syazreen masih bergumpal di celah-celah sangkalan, di lain-lain tempat dalam buku ini terdapat hujahan. Sungguhpun bidasan itu mungkin kurang dimengertikan hari ini, masih, hujahan yang dikemukakan berbisa, menangkap dan menggigit".- **Faisal Tehrani**
**http://www.marymartin.com/web?pid=423677**
--------------------------------------------------------------------------------
**Sociology**

Cosplay di Malaysia : Transmisi Dan Integrasi Trait Subbudaya Jepun / Rohayati Paidi
Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2018
xvi, 156p.

Includes Index ; Bibliography
9789674880408

1. Cosplay – Malaysia
2. Role playing – Malaysia

$ 24.00 / PB
274gm.

Dalam pelbagai bentuk subbudaya yang terdapat di Jepun, mengapakah cosplay lebih Berjaya mendapat tempat di negara ini? Bagaimanakah subbudaya yang begitu asing kini boleh wujud sebagai subbudaya tempatan dan mempengaruhi kehidupan sebilangan masyarakat Malaysia? Buku ini mengemukakan penjelasan sintesis yang dapat menjawab persoalan tentang proses dan mekanisme pembentukan subbudaya asing yang diimport menjadi subbudaya baharu di lokasi tempatan. Huraian dalam buku ini menjelaskan kepada pembaca tentang bagaimana enam komponen asas subbudaya cosplay Jepun ditransmisikan dan diintegrasikan oleh lima kategori peserta subbudaya tersebut.
**http://www.marymartin.com/web?pid=423674**
------------------------------------------------------------------------------
Jejak Pembangunan Lestari Di Malaysia : Masyarakat dan Nilai / Zurina Mahadi & Nukil Sino
Bangi, Selangor: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM Press), 2018
148p.
Includes Index
9789674125578
$ 15.00 / PB
230gm.

Hambatan terhadap keterlaksanaan agenda pembangunan lestari di Malaysia menuntut agar isu ini dikupas dari pelbagai aspek untuk merungkai persoalan tersebut termasuk perspektif nilai. Buku ini membawa pembaca menelusuri nilai budaya, agama dan kepercayaan masyarakat tempatan serta nilai yang terkandung dalam dasar pembangunan nasional. Penerokaan pada semua nilai adalah penting untuk memahami hubungan antara nilai masyarakat dengan isu ketidaklestarian yang berlaku di negara ini. Persoalan nilai yang diketengahkan turut merangkumi ciri dan kontruksi nilai yang berlaku dalama masyarakat pada peringkat antarabangsa dan tempatan. Buku ini juga membincangkan tentang konsep pembangunan lestari khususnya transformasi konsep pembangunan konvensional kepada konsep pembangunan lestari serta transformasi dalam pembangunan lestari itu sendiri. Maklumat dalam buku ini memberi input kepada pemurnian kerangka nilai pembangunan lestari tempatan berdasarkan keperluan dan kepentingan sebenar masyarakat dan bukannya keperluan dan kepentingan yang diandaikan oleh pembuat dasar tentang masyarakat.
**http://www.marymartin.com/web?pid=395572**
------------------------------------------------------------------------------
Muda and Derhaka (Kumpulan Artikel dan Esei) / Rien SD
Petaling Jaya, Selangor: Strategic Information and Research Development Centre (SIRD) , 2018
132p.
9789672165330

1. Malay essays
2. Essays

$ 12.00 / PB
216gm.

Mengapa kita perlu menerima segala keputusan yang berlegar dalam ruang sosial tanpa menggugat atau sekurang-kurangnya menyemak relevansinya? Adakah kita kekurangan karangan-karangan yang mencerahkan dan menguak minda masyarakat ataukah kita sudah menjadi lemah, layu dan longlai akibat dibelasah teruk oleh wacana hegemoni yang mendominan?
Naskhah ini tidak bertugas untuk menjawab persoalan-persoalan ini dengan kemas dan mapan, namun berperanan untuk membangkitkan pertanyaan-pertanyaan penting yang terpencil dan digelapkan. Mengungkit-ungkit permasalahan setempat dan memikir-ulang peranan orang muda dalam berhadapan dengan "tirani baru" yang boleh berbentuk wacana kekuasaan, agama dan budaya.
Ketidakberesan ini cuba digembar-gemburkan dan berharap agar masyarakat mula terlibat dalam misi pemberdayaan dan mencerahkan masyarakat.
Kritik sosial dan sanggahan-sanggahan yang tersedia dalam naskhah ini menuntut kritik balas dan gugatan yang lebih kemas. Ini fungsi wacana yang perlu dihidupkan semula. Dan, inilah peranan orang muda. Sekalipun masyarakat menghukumnya derhaka.
**http://www.marymartin.com/web?pid=423669**
-----------------------------------------------------------------------------
Amalan Penjagaan Kesihatan Masyarakat Melanau / Sabah Omar
Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2018
xvi, 220p.
Includes Index ; Bibliography
9789834917197

1. Melanau (Borneon people) – Social life and customs – Sarawak
2. Medical care
3. Health education

$ 10.00 / PB
310gm.
**http://www.marymartin.com/web?pid=423666**
-----------------------------------------------------------------------------
**Books in Iban - Sarawak Language**

Mulai Pengingat : Beji Nangga Hari (The Conqueror of Universe) / Casper Kayong Umping
Sibu, Sarawak: Acasper Kayong Ultrasound, 2018
104p.
9789671443620
$ 30.0000/ PB
128gm.
**http://www.marymartin.com/web?pid=423661**
-----------------------------------------------------------------------------

Raja Berani Dayak Iban = Historial Heroes of Dayak Iban / Casper Kayong Umping
Sejarah Raja Berani Dayak Iban – Raja Berani Borneo
Sibu, Sarawak: Sarawak Iban Writers Association, 2014
100p.
$ 35.00/ PB
128gm.
**http://www.marymartin.com/web?pid=423663**
------------------------------------------------------------------------------